

06/05/1998

Gubal akta halang umat Islam murtad

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan patut menggubal undang-undang lebih khusus menghalang umat Islam murtad dan memeluk agama lain supaya kesucian agama Islam terpelihara.

Usaha menguatkuasakan peraturan khusus itu juga dilihat sebagai kaedah paling berkesan memastikan akidah umat Islam tetap utuh serta tidak mampu dipengaruhi dakyah kumpulan tertentu.

Yang Dipertua Persatuan Ulama Malaysia (PUM), Ahmad Awang, berkata penguatkuasaan undang-undang khusus menyekat umat Islam menukar agama mampu menyelesaikan isu murtad yang sudah lama melanda institusi Islam di negara ini.

"Sudah sampai masanya kerajaan memperkenalkan peraturan khusus berhubung percubaan keluar agama kerana pelaksanaan undang-undang membolehkan tindakan diambil terhadap mereka yang didapati berbuat demikian," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas isu itu berikutan keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno bahawa kegiatan pihak tertentu menukar agama orang Islam dilarang sama sekali di negara ini.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata walaupun perlembagaan negara menyatakan wujudnya kebebasan beragama di negara ini, umat Islam tidak boleh disentuh dan dipengaruhi untuk menukar agama.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT Umno, Perdana Menteri menegaskan tidak boleh ada percubaan menukar agama rakyat beragama Islam, walaupun kadang kala ia berlaku akibat cinta atau faktor lain.

"Kita menentukan semua agama di Malaysia bebas (dianuti) tetapi agama Islam tidak boleh disentuh dan tidak boleh ada percubaan menukar agama Islam," katanya.

Difahamkan, sejak 1994 hingga Mei 1997, seramai 519 penganut Islam di negara ini, termasuk 55 rakyat Malaysia memohon menukar agama. Daripada 55 rakyat tempatan itu, 18 orang memohon menganut Kristian, 18 lagi memilih agama Hindu dan selebihnya mahu menganut agama Buddha.

Ahmad berkata, kerajaan juga perlu mengeluarkan garis panduan atau peraturan berhubung pembinaan rumah ibadat agama lain bagi mengelak timbul masalah terutama konflik di kalangan penganut agama lain.

Sementara itu, penceramah bebas dan pengacara rancangan agama, Mohd Ridhuan Tee Abdullah, berkata kerajaan perlu menimbangkan penguatkuasaan peruntukan khas bagi melindungi kebajikan saudara baru bagi mengelak mereka kembali kepada agama asal.

(END)